

Pertubuhan₂ Melayu jangan berpuak-puak

BANGI 10 April 1989
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa beliau tidak mahu pertubuhan-pertubuhan orang Melayu di negara ini mewujudkan puak-puak yang boleh melemahkan pencapaian masyarakat Melayu.

Perdana Menteri juga menegur orang-orang Melayu yang bersikap negatif, seperti sikap suka bergantung kepada orang lain, cuaikan Bahasa Malaysia dan memburuk-burukkan negara sendiri.

Berucap merasmikan pelancaran perayaan 35 tahun dan persidangan agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini, beliau berkata kini terdapat satu gejala tidak sihat yang telah meresapi masyarakat Melayu.

Katanya, gejala itu ialah munculnya kumpulan-kumpulan yang berbeza dalam badan-badan sukarela Melayu yang tindak-tanduknya kadangkala melemahkan sesuatu badan itu secara menyeluruh.

Tegas beliau, cara pemikiran yang mewujudkan sekatan-sekatan tertentu mengikut kumpulan-kumpulan seperti ulamak dan bukan-ulamak, lepasan universiti itu dengan lepasan universiti ini boleh menjadi benteng keangkuhan bagi melemahkan pencapaian dan prestasi masyarakat Melayu.

Menurut Perdana Menteri, tidak mengapa sekiranya kumpulan-kumpulan itu wujud atas asas semangat untuk menyatukan sumbangan ke arah matlamat akhir bangsa.

"Tetapi jika sekatkan yang wujud hanya memupuk rasa keakuan dan 'aku lebih penting dan aku lebih berhak', ia hanya akan menyemaikan bibit-bibit perpecahan di kalangan orang Melayu," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian juga menegaskan bahawa pepatah "bersatu kita teguh, bercerai kita roboh" masih penting sekarang ketika satu bangsa Malaysia yang makmur, sejahtera dan bersatu padu sedang dibina.

"Sebagaimana kita maklum dan yang menjadi hasrat orang Melayu, teras asas-asas kebangsaan ini ialah unsur-unsur pribumi. Adalah menjadi harapan saya bahawa perkara ini sentiasa diberi perhatian yang teliti, dan dengan insaf, oleh setiap orang Melayu. Inilah sebalik kata Hang Tuah 'Takkan Melayu hilang di dunia'," tegasnya lagi.

Menurut beliau, pencapaian orang Melayu dalam bidang pelajaran telah meningkat dan dapat bangga bahawa anak-anak Melayu telah meneroka bidang-bidang dan mata-mata pelajaran yang dahulunya menjadi impian orang Melayu semata-mata.

Katanya, terdapat juga anak-anak Melayu yang berkelayakan paling tinggi dan menjadi pakar dalam berbagai-bagai bidang termasuk sains dan teknologi.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan anggota-anggota masyarakat Melayu supaya mengubahsuaikan peranan dan perjuangannya dengan harapan pencapaian masyarakat akan meningkat lagi.

"Kita juga harus terus bergiat meningkatkan kemampuan kita untuk terus mengisi ruang-ruang di mana orang Melayu masih lemah," tegasnya.

Untuk mencapai tujuan itu, katanya, beliau menggesa golongan cerdik pandai Melayu dari semua bidang, khususnya dari bidang profesional dan sains, menyertai GPMS dan pertubuhan-pertubuhan lain.

Mengenai sikap orang Melayu pula, Perdana Menteri berkata salah satu daripada perkara yang menyedihkan di kalangan orang Melayu ia-

lah suburnya sikap bergantung kepada orang lain, kepada kerajaan dan nasib.

Katanya, malah ada anggota-anggota masyarakat yang bergantung kepada semua bentuk pemberian dalam soal agama.

Dalam bidang pelajaran pula, beliau menegur setengah-setengah pelajar yang merasakan mereka berhak mendapat tempat di institusi-institusi tinggi tetapi tidak pula mahu belajar apabila memasuki institusi itu.

"Bila di institusi-institusi, mereka terpaksa dipaksa untuk belajar, menghadiri kuliah dan tutorial, untuk membaca dan membuat itu ini, sedangkan segala-galanya adalah untuk faedah mereka dan bagi menebus maruah bangsa mereka," tegasnya.

Beliau juga menegur pelajar-pelajar Melayu yang tidak mementingkan Bahasa Malaysia kerana anggapan mereka bahasa itu bahasa mereka.

Perdana Menteri berkata, rakyat patut bangga dengan pencapaian anak-anak kaum lain dalam matapelajaran itu dan tidak harus merasa iri hati kerana bahasa itu untuk seluruh rakyat.

"Tetapi sebaliknya kita harus sedar dan insaf bahawa jika kita

lemah kerana kita cuai, dan endah tak endah dengan pencapaian kita, tentulah selama-lamanya akan menjadi bangsa yang lemah," tegasnya lagi.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, masyarakat Melayu haruslah menerima teguran terhadap sikap-sikap negatif bagi orang Melayu, masyarakat dan juga bagi agama Islam.

Katanya, mungkin perkara yang disentuhnya itu akan dimarahi orang tetapi "kewajipan kita sebagai orang Melayu bukanlah untuk berbangga-bangga dan menghayalkan orang Melayu di dalam impian".

Tegas beliau, tanggungjawab para pemimpin Melayu ialah supaya semua pihak dapat sama-sama mengatasi kelemahan-kelemahan orang Melayu.

Upacara pelancaran itu dihadiri oleh kira-kira 1,500 orang ahli GPMS dan para pemerhati.